

PENGGUNAAN MODEL KONSTRUKTIVISME DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BAHASA MELAYU

Norul Haida Hj. Reduzan

Universiti Pendidikan Sultan Idris

ABSTRAK

Artikel ini berasaskan satu kajian kuasi eksperimen yang dijalankan ke atas Bachelor Pendidikan bahasa Melayu semester 5 dengan menggunakan Model Konstruktivisme Lima Fasa Needham (1987) dalam pengajaran mata pelajaran bahasa Melayu. Model ini mempunyai lima fasa, iaitu: orientasi, pencetusan idea, penstrukturran semula idea, aplikasi idea dan refleksi. Sampel kajian dipilih daripada 2 kumpulan bahasa Melayu semester 5 Universiti Pendidikan Sultan Idris dan kebolehan sampel adalah setara dari segi pencapaian akademik. Pelajar daripada kumpulan A ialah Kumpulan Eksperimen dan telah diajar secara terancang selama enam minggu dengan menggunakan Model Konstruktivisme Lima Fasa Needham (1987) dan pelajar daripada kumpulan B pula ialah Kumpulan Kawalan yang diajar dengan menggunakan pendekatan tradisional. Antara dapatan kajian yang menarik ialah pengajaran dengan menggunakan Model Konstruktivisme Lima Fasa Needham (1987) dapat meningkatkan pencapaian subjek secara signifikan dalam mata pelajaran bahasa Melayu berbanding pencapaian subjek Kumpulan Kawalan. Selain itu, didapati minat subjek Kumpulan Eksperimen terhadap mata pelajaran bahasa Melayu turut meningkat secara signifikan setelah diajar dengan menggunakan Model Konstruktivisme Lima Fasa Needham (1987).

Kata kunci: Model Konstruktivisme, pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu

PENGENALAN

Bahasa Melayu merupakan bahasa rasmi negara kita dan seharusnya ia dikuasai dengan baik oleh semua lapisan masyarakat di Malaysia. Sebagaimana yang termaktub dalam Akta Pendidikan 1996, Bahasa Melayu wajib diajar di semua sekolah rendah dan menengah di Malaysia dan merupakan mata pelajaran wajib lulus dalam Sijil Peperiksaan Malaysia. Matlamat kurikulum Bahasa Melayu pula adalah untuk melengkapkan setiap murid dengan keterampilan berbahasa dan berkomunikasi bagi memenuhi keperluan diri dalam urusan harian, pendidikan dan pekerjaan. Kurikulum Bahasa Melayu sekolah menengah digubal berdasarkan penggunaan bahasa yang merangkumi tiga bidang utama, iaitu bidang Interpersonal, bidang Maklumat dan bidang Estetika (Kementerian Pendidikan Malaysia-KPM, 2000). Penumpuan kepada bidang-bidang tersebut bertujuan untuk membolehkan murid menggunakan bahasa Melayu secara berkesan dalam kehidupan harian, bidang kerjaya, dan seterusnya sebagai bahasa ilmu yang boleh dimanfaatkan sepanjang hidup mereka.

Bagi mencapai hasrat tersebut, strategi pengajaran dan pembelajaran yang dirancang hendaklah menggunakan pendekatan yang berfokuskan murid dengan menggunakan kepelbagai teknik dan sumber pembelajaran untuk menghasilkan keberkesanannya. Selaras dengan perkembangan arus globalisasi sekarang, didapati corak pembelajaran perlu memberi banyak ruang dan peluang kepada murid untuk mendapatkan sendiri ilmu sementara guru perlu menjadi pendamping atau fasilitator sahaja. Salah satu pendekatan yang mengamalkan pembelajaran sebegini ialah pembelajaran konstruktivisme. Menurut Azizi Yahaya dan Jaafar Sidek Latif (2005), corak pembelajaran konstruktivisme sepatutnya diaplikasikan oleh guru dalam membentuk identiti murid yang berdaya saing. Pendekatan ini dapat membantu murid merangsang kecerdasan pelbagai yang dimiliki dengan cara yang berkesan seterusnya mampu melakukan anjakan paradigma bagi diri sendiri untuk berfikir pada tahap berfikir di luar kotak.

Menurut Subadrah Nair dan Malar Muthiah (2005), menjelaskan bahawa seseorang dapat membina konsep dalam struktur kognitifnya dengan pengetahuan yang sedia ada padanya dan proses ini dikenali sebagai “*accretion*”. Pendekatan konstruktivisme sangat penting dalam proses pembelajaran kerana murid digalakkan membina konsep sendiri dan menghubungkaitkan perkara yang dipelajari dengan pengetahuan yang sedia ada pada mereka. Dalam hal ini, sekali gus murid dapat meningkatkan pemahaman mereka tentang sesuatu perkara.

Keberkesanan sesuatu proses pengajaran dan pembelajaran amat bergantung kepada kaedah dan strategi pengajaran dan pembelajaran yang diamalkan. Menurut Rashidi dan Abdul Razak (1995), guru perlulah memilih dan menggunakan kaedah-kaedah yang paling sesuai bagi membantu pelajar-pelajar dan dirinya sendiri bagi mencapai objektif pengajaran yang dirancang. Menurut Esah Sulaiman (2003), pelbagai pendekatan pengajaran dan pembelajaran boleh digunakan seperti pendekatan berpusatkan guru, pendekatan berpusatkan pelajar dan pendekatan berpusatkan bahan. Pemilihan dan perancangan guru dalam menentukan pendekatan, kaedah, teknik dan aktiviti dalam sesuatu pengajaran untuk mencapai objektif adalah yang dikatakan strategi pengajaran.

DEFINISI DAN KONSEP KONSTRUKTIVISME

Jean Piaget (1976), dalam bukunya ‘*To Understand is to Invent: The Future of Education*’ menjelaskan bahawa pengetahuan berkembang hasil daripada pembinaan pengetahuan individu selepas pemahaman individu tersebut. Piaget menekankan pengetahuan semasa bersifat sementara dan bertukar mengikut masa. Ia merupakan sebuah proses secara berterusan dan sentiasa disusun semula. Konsep konstruktivisme merupakan satu pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang menerangkan bagaimana manusia belajar dengan cara pengetahuan disusun dalam minda manusia. Unsur-unsur konstruktivisme telah lama dipraktikkan dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran di semua peringkat. Konstruktivisme telah dipelopori oleh Lev Semyonich Vygotsky (1978). iaitu seorang ahli psikologi melalui bukunya

'Mind in Society'. Beliau memisahkan antara pemikiran dan bahasa bebas dan berkembang secara terpisah. Beliau juga menumpukan kepada zon perkembangan proksimal (ZPD) yang relevan dengan teknologi pengajaran.

Penggunaan teori konstruktivisme sangat penting kerana teori ini terbukti sangat dominan dalam pendidikan sekarang kerana menyediakan perubahan paradigma kepada pendekatan yang lebih berasaskan kognitif berbanding pendekatan tradisional yang lebih kepada behaviourisme. Kajian yang dilakukan oleh Peter, Abiadun dan Jonathan (2010), menunjukkan bahawa pendekatan konstruktivisme memberi kesan yang positif kepada akademik murid. Teori ini menyangkal dengan menyatakan perkembangan kognitif sebagai hasil pengumpulan pengetahuan dan perubahan perkembangan hanya akan berlaku apabila mencapai kematangan iaitu pendapat Piaget yang berpendapat pembelajaran hanya akan berlaku apabila perkembangan telah terbentuk. Pembelajaran berasaskan teori konstruktivisme telah digunakan secara meluas dalam mata pelajaran sains menurut Subadrah Nair & Malar Muthiah (2005).

Teori konstruktivisme menurut Abdul Jalil dan Bahtiar (2005), menyatakan bahawa murid membina makna mengenai dunia dengan mensintesis pengalaman baru terhadap apa-apa yang mereka telah fahami sebelumnya. Mereka menjelaskan bahawa melalui prinsip konstruktivisme, ilmu pengetahuan dibina secara aktif oleh setiap individu berasaskan pengalaman yang dilaluinya. Manakala menurut Vighnarajah, Wong Su Luan dan Kamariah (2008), mendapati guru yang menggunakan pendekatan teori konstruktivisme dapat mengaktifkan murid dalam penglibatan proses pengajaran dan pembelajaran.

McBrien dan Brandt (1997), menyatakan konstruktivisme adalah satu pendekatan pengajaran berdasarkan kepada penyelidikan tentang bagaimana manusia belajar. Kebanyakan penyelidik berpendapat setiap individu membina pengetahuan dan bukannya menerima pengetahuan daripada orang lain. Nik Aziz Nik Pa (1999), menyebut konstruktivisme adalah tidak lebih daripada satu komitmen terhadap pandangan bahawa manusia membina pengetahuan sendiri. Ini bermakna bahawa sesuatu pengetahuan yang dipunyai oleh seseorang individu adalah hasil daripada aktiviti yang dilakukan oleh individu tersebut dan bukan sesuatu maklumat atau pengajaran yang diterima secara pasif daripada luar.

PENGENDALIAN KAJIAN

Kajian ini dijalankan selama enam minggu. Seminggu sebelum pengajaran bagi dan Kumpulan Kawalan dimulakan, subjek daripada kedua-dua kumpulan diberikan Ujian Pra. Sehari selepas Ujian Pra dijalankan, hanya subjek daripada kumpulan Eksperimen diberikan soal selidik untuk memastikan minat mereka terhadap kursus bahasa Melayu sebelum pengajaran berasaskan Model Konstruktivisme Lima Fasa Needham dijalankan. Pada minggu pertama, hingga minggu keenam subjek kumpulan Eksperimen dan kumpulan Kawalan diberikan pengajaran selama enam minggu. Setiap minggu subjek diajar dua kali seminggu dan setiap kali dua waktu

pengajaran (2 jam). Pensyarah yang mengajar Kumpulan Eksperimen dan kumpulan Kawalan terdiri daripada pensyarah yang terlatih dan mempunyai banyak pengalaman.

Bagi Kumpulan Eksperimen, pensyarah menggunakan Model Konstruktivisme Lima Fasa Needham, iaitu fasa orientasi, pencetusan idea, penstrukturkan semula idea, aplikasi idea dan refleksi untuk mengajar subjek selama enam minggu. Sebelum pengajaran dimulakan, pensyarah kursus bahasa Melayu yang mengajar Kumpulan Eksperimen telah diberi taklimat dan latihan oleh pengkaji tentang pengajaran dan perancangan pengajaran menggunakan Model Konstruktivisme Lima Fasa Needham. Pengkaji memberikan rancangan pengajaran berdasarkan fasa-fasa dalam Model Konstruktivisme Lima Fasa Needham untuk enam minggu dan membekalkan pensyarah yang mengajar Kumpulan Eksperimen dengan alat bantu mengajar untuk digunakan dalam aktiviti pengajaran berdasarkan model ini. Setiap pengajaran, pensyarah daripada Kumpulan Eksperimen telah dicerap oleh pengkaji bagi memastikan pensyarah dapat mengajar setiap langkah pengajaran berdasarkan Model Konstruktivisme Lima Fasa Needham.

Bagi subjek Kumpulan Kawalan pula, selepas Ujian Pra, subjek diberikan pengajaran selama enam minggu oleh pensyarah bahasa Melayu. Pengkaji tidak memberikan rancangan pengajaran yang menggunakan Model Konstruktivisme Lima Fasa Needham kepada pensyarah tersebut. Pensyarah daripada Kumpulan Kawalan diberikan objektif pengajaran selama enam minggu oleh pengkaji (sama seperti guru daripada Kumpulan Eksperimen). Berbeza dengan pensyarah daripada Kumpulan Eksperimen, pensyarah Kumpulan Kawalan tidak dilatih oleh pengkaji untuk mengajar dengan menggunakan Model Konstruktivisme Lima Fasa Needham.

Selepas pengajaran selama enam minggu, subjek Kumpulan Eksperimen dan Kumpulan Kawalan diberi ujian Pasca dan kandungan ujian ini sama seperti ujian Pra. Setiap subjek dikehendaki menjawab dua soalan esei, 11 soalan struktur dan 10 soalan objektif/aneka pilihan. Sehari selepas Ujian Pasca, pengkaji memberikan subjek Kumpulan Eksperimen soal selidik yang sama untuk mengetahui minat subjek terhadap mata pelajaran bahasa Melayu selepas pengajaran dengan menggunakan Model Konstruktivisme Lima Fasa Needham. Perbandingan pembelajaran secara tradisional dan konstruktivisme dapat dijelaskan seperti Jadual 1.

Jadual 1: *Perbandingan pembelajaran secara tradisional dan konstruktivisme*

Pembelajaran Secara Tradisional	Pembelajaran Secara Konstruktivisme
i. Pengenalan kepada konsep – konsep diperkenal secara deduktif kepada pelajar.	i. Penerokaan – pelajar menghadapi situasi atau masalah baru.
ii. Latihan – bagi mengukuhkan konsep, pelajar diberi banyak latihan.	ii. Soalan daripada pelajar – pelajar mengajukan soalan yang berkaitan situasi atau

-
- | | |
|---|---|
| iii. Aplikasi – pelajar mengaplikasi konsep yang dipelajari dalam situasi baru. | masalah yang dihadapi. |
| | iii. Penyiasatan dan kajian spesifik
– pelajar memilih satu daripada soalan atau sebarang masalah yang diajukan dan menjalankan penyiasatan penuh. |
| | iv. Refleksi – pelajar mencari hubungan antara soalan-soalan dan sebarang masalah yang dijanakan dan membuat generalisasi. Seterusnya, pelajar mungkin menemui situasi atau masalah baru untuk terokai atau disiasat. |
-

Sumber : Pusat Perkembangan Kurikulum (2001)

Menurut Abu Hassan (2003), penyampaian merupakan pengajaran sebenar, di mana segala konsep, prinsip dan fakta yang berkaitan dengan tajuk akan disampaikan kepada murid. Penyampaian yang berkesan melibatkan usaha guru menggunakan segala kemahiran, melalui peralatan, kaedah, strategi dan pendekatan yang tertentu yang sesuai untuk menyampaikan bahan pengajaran. Menurut beliau lagi, menyatakan sebelum seseorang pelatih ditauliahkan sebagai guru, kemampuannya untuk mempraktikkan segala teori, kaedah, strategi, pendekatan, kemahiran dan pengetahuan yang dipelajari di dalam bilik kuliah digilap. Melalui program latihan mengajar, guru pelatih berpeluang mendalami segala ilmu dan kemahiran yang berkaitan dengan bidang perguruan, dalam suasana bilik darjah sebenar. Dunn (1990) menyatakan kegagalan pelajar bukan disebabkan oleh kurikulum semata-mata tetapi turut dipengaruhi oleh teknik dan pendekatan yang digunakan oleh guru. Ini menunjukkan bahawa amalan pedagogi turut memainkan peranan yang sangat penting dalam pencapaian objektif pembelajaran. Justeru itu, program latihan mengajar merupakan komponen yang terpenting dalam kursus perguruan. Di bilik darjah sebenar, mereka diberi peluang berfikir memastikan cara bagaimana teori konstruktivisme yang diterimanya di universiti dan maktab dapat diamalkan dengan lancar.

Teori pembelajaran secara konstruktivisme yang berfokuskan pelajar diberi penekanan tinggi. Pendekatan, kaedah dan strategi yang digunakan oleh guru secara autokratik tidak sesuai lagi. Memang tidak dapat dinafikan bahawa salah satu cabaran pendidikan di alaf baru ini ialah melaksanakan anjakan paradigma dari pendekatan berpusatkan guru kepada pendekatan berpusatkan pelajar. Menurut kajian Loo Sai Huat (2003) pula, didapati masih terdapat beberapa kelemahan di kalangan guru dalam mengamalkan teori konstruktivisme dalam proses pengajaran fizik, guru kurang memberi peluang kepada pelajar untuk memberikan idea-idea tentang sesuatu topik pengajaran. Kebanyakan daripada idea adalah disampaikan terus daripada guru kepada pelajar. Di samping itu, Chen dan Adam (1982); Singh, Marimuthu, dan Mukherjee (1990) dan Mohd Najib Ghafar (1995) menyatakan

banyak kajian yang melaporkan bahawa kaedah pengajaran sains yang diamalkan oleh kebanyakan guru ialah kaedah '*chalk and talk*', manakala kebanyakan pelajar pula lebih berminat kepada '*expository learning*'.

Menurut Noriah (2000), biarpun keberkesanan pendekatan konstruktivisme dalam proses pengajaran dan pembelajaran kerap diketengahkan dan diperkatakan, namun pengaplikasian dan pengamalan pendekatan konstruktivisme di kalangan guru-guru di Malaysia secara amnya adalah masih kurang. Guru pelatih sebagai bakal guru harus sedar tentang strategi pengajarannya dan perlu berfikir tentang cara untuk meningkatkan proses pengajarannya.

Konstruktivisme (*constructivism*) merupakan orientasi filosofis pendekatan konstektual (Zahorik, 1999; Sagala, 2006). Teori konstruktivisme dikembangkan oleh Piaget pada pertengahan abad ke 20 (Sanjaya, W., 2007). Menurut Piaget, pada dasarnya setiap individu sejak kecil sudah memiliki kemampuan untuk membina pengetahuannya sendiri. Pengetahuan yang dibina, menjadi pengetahuan yang bermakna, sedangkan pengetahuan yang hanya diperoleh melalui proses pemberitahuan tidak menjadi pengetahuan yang bermakna. Pengetahuan tersebut hanya untuk sementara setelah itu dilupakan. Pembinaan pengetahuan menurut Piaget dilakukan melalui proses asimilasi dan akomodasi terhadap skema yang sudah ada. Skema adalah struktur kognitif yang terbentuk melalui proses pengalaman. Asimilasi adalah proses penyempurnaan skema yang telah terbentuk, dan akomodasi adalah proses perubahan skema. Secara lengkap, teori konstruktivisme penerapannya dalam strategi pembelajaran dapat meningkatkan kemampuan berfikir atau menekankan pada keaktifan individu (Sanjaya, W., 2007). Pendekatan pembelajaran yang lebih menekankan pada *student centered learning* di kelas telah lama dikembangkan oleh John Dewey di Amerika. Terdapat banyak pendekatan yang sama-sama berorientasi individu aktif, iaitu pendekatan *discovery learning*, pendekatan *contextual teaching and learning (CTL)*; dan pendekatan konstruktivisme (PK).

Pendekatan konstruktivis, merupakan sejenis pendekatan pembelajaran yang lebih menekankan aspek keaktifan individu dalam PBM. Pendekatan konstruktivisme mempunyai sedikit kesamaan dengan pendekatan *Discovery Learning (PDL)*, kerana kedua-duanya memandang individu sebagai individu kreatif, dan inovatif, tetapi terdapat perbezaan apabila PDL berusaha untuk menemukan pengetahuan yang sudah ada, sedangkan Pendekatan Konstruktivisme berusaha untuk menemukan atau membangun (*construct*) pengetahuan baharu (Fachrurrazy, 2001). Konstruktivisme berbeza dengan Behaviorisme dan Naturalisme, Behaviorisme menekankan keterampilan sebagai tujuan pengajaran, manakala konstruktivisme lebih menekankan perkembangan konsep dan pengertian yang mendalam, sedangkan Naturalisme lebih menekankan pengetahuan yang berkembang sesuai dengan langkah-langkah perkembangan. Konstruktivisme lebih menekankan pengetahuan sebagai konstruksi aktif individu (Suparno, 1997). Dalam teori Naturalisme, apabila seseorang mengikuti tahap atau langkah-langkah perkembangan yang sedia ada, dengan sendirinya ia akan menemukan pengetahuan

yang makin lengkap. Sedangkan menurut Konstruktivisme, apabila seseorang tidak membina pengetahuannya sendiri secara aktif, pengetahuannya tidak akan berkembang (Solichan A, 2003).

SOROTAN KAJIAN

Menurut Sharifah Maimunah (2001), menyatakan pembelajaran konstruktivisme ini bertitik tolak daripada teori pembelajaran Behaviorisme yang didokong oleh B.F Skinner yang mementingkan perubahan tingkah laku ke atas pelajar. Sesuatu pembelajaran dianggap berlaku apabila terdapat perubahan tingkah laku kepada pelajar contohnya daripada tidak tahu kepada tahu. Hal ini, kemudiannya beralih kepada teori pembelajaran Kognitivisme yang diperkenalkan oleh Jean Piaget di mana idea utama pandangan ini adalah mental. Semua idea dan imej dalam minda individu diwakili melalui struktur mental dikenali sebagai skema yang akan menentukan bagaimana data dan maklumat yang diterima difahami oleh manusia. Jika idea tersebut sesuai dengan skema, idea ini akan diterima begitu juga sebaliknya dan seterusnya lahirlah teori pembelajaran Konstruktivisme yang merupakan pandangan terbaru di mana pengetahuan akan dibina sendiri oleh pelajar berdasarkan pengetahuan sedia ada mereka.

Menurut Chen, Hwe Min (2004), menyatakan jika situasi pembelajaran tidak menarik, kaedah dan strategi pengajaran guru yang tidak bersesuaian dengan tahap kognitif atau keperluan pelajar maka akan menyukarkan guru menyalurkan ilmu kepada pelajar. Kaedah pembelajaran yang kurang cekap menyebabkan proses pembelajaran menjadi kurang efektif. Kajian yang dijalankan oleh Marohaini dan Zulkifli (1997), mendapati penumpuan guru diberikan kepada hasil karangan daripada proses mengarang itu sendiri. Maka beliau mencadangkan agar bentuk pengajaran lebih menekankan aspek input isi daripada strategi mengarang. Bentuk pengajaran hendaklah lebih berpusatkan murid. Abdul Jalil dan Bahtiar (2005), menyatakan bahawa aplikasi pembelajaran konstruktivisme dalam pendidikan berupaya melahirkan murid yang boleh membina pengalaman dan pengetahuan baru berdasarkan pengetahuan dan pengalaman sedia ada. Pengajaran dan pembelajaran secara konstruktivisme adalah satu alternatif yang wajar diaplikasi guru.

Faridah, Nooreiny dan Raja Mohd Fauzi (2001), menyatakan dalam kajian terhadap penulisan murid sekolah menengah mendapati murid yang guru melakukan perubahan dalam penulisan ialah menilai proses kognitif yang menggunakan pendekatan konstruktivisme seperti perbincangan kumpulan murid boleh menambah minat dan mampu menulis dengan baik. Jones dan Arage (2002), mendapati konstruktivisme memberi peluang kepada guru untuk menyediakan pembelajaran yang aktif, membentuk prakonsep sendiri, perkembangan minda secara kompleks dan mendalam untuk pemahaman yang kukuh dan jelas.

Ibrahim, Erdal dan Mustafa (2009), pula menggunakan konstruktivisme dalam model PBL juga mendapati respondennya iaitu murid universiti (undergraduate) menunjukkan prestasi memberangsangkan berbanding kumpulan yang dikawal tetapi

tidak ada perbandingan prestasi dalam bilangan masalah. Menurut Peter, Abiadun dan Jonathan (2010), menyatakan kajian mereka melihat kesan konstruktivisme dalam pengajaran dan pembelajaran mekanikal. Mereka mendapati murid belajar dan mahir kemahiran lebih maksimum apabila digalakkan menyertai pembelajaran secara aktif melalui aktiviti interaktif secara tidak langsung dengan guru dan rakan serta bekerja dalam kumpulan.

Penggunaan Konstruktivisme Model Inkuiiri dan Induktif

Beberapa kajian menggunakan pendekatan konstruktivisme model inkuiiri dilaporkan. Antaranya ialah kajian Prince dan Felder (2006), yang menggunakan konstruktivisme dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran induktif. Kajian mereka mendapati secara umumnya cara ini lebih efektif berbanding cara deduktif tradisional untuk mencapai matlamat hasil pembelajaran. Zamri, Celinea, Nik Mohd Rahimi dan Mohamed Amin (2009), dalam kajian mereka mendapati pembelajaran Bahasa Melayu di Institusi Pendidikan Tinggi Swasta murid dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran mereka apabila guru menggunakan pendekatan konstruktivisme yang sesuai dengan dunia pendidikan. Kajian mereka mendapati strategi pembelajaran bahasa yang menggunakan pendekatan konstruktivisme dapat meningkatkan pengetahuan dalam berbahasa murid melalui bacaan, juga mereka dapat berkongsi idea untuk menulis idea dengan berkesan.

Kajian lain ialah Faridah, Nooreiny dan Raja Mohd Fauzi (2001), dalam kajian terhadap penulisan murid sekolah menengah mendapati murid yang guru melakukan perubahan dalam penulisan ialah menilai proses kognitif yang menggunakan pendekatan konstruktivisme seperti perbincangan kumpulan murid boleh menambah minat dan mampu menulis dengan baik. Jones dan Arage (2002), mendapati konstruktivisme memberi peluang kepada guru untuk menyediakan pembelajaran yang aktif, membentuk prakonsep sendiri, perkembangan minda secara kompleks dan mendalam untuk pemahaman yang kukuh dan jelas.

Penggunaan Konstruktivisme Model Lima Fasa Needham

Noor Azliza dan Lilia (2002), mendapati penggunaan model Lima Fasa Needham (1987), telah memberi kesan yang penting dalam hasil pembelajaran pelajar, iaitu berlaku peningkatan markah selepas menggunakan prototaip. Pelajar didapati lebih memahami tajuk. Subadrah Nair dan Malar Muthiah (2005), juga menggunakan Konstruktivisme Lima Fasa Needham (Needham 1987), mendapati pelajar lebih mudah memahami mata pelajaran Sejarah dan lebih berminat mempelajari subjek ini. Menurut Subadrah Nair dan Malar Muthiah (2005), menyatakan teori konstruktivisme pada struktur kognitif seseorang akan berkembang dan berubah apabila pelajar mendapat pengalaman baharu yang dialaminya dikenali sebagai penalaan. Dalam kajian mereka dengan menggunakan Model Konstruktivisme Lima Fasa Needham (Needham, 1987) dalam pembelajaran mata pelajaran Sejarah didapati bahawa pelajar lebih seronok belajar dan mereka melibatkan diri secara

aktif dalam pembelajaran. Selain itu, pencapaian murid dalam ujian mata pelajaran Sejarah turut meningkat secara signifikan setelah didedahkan dengan model tersebut.

Dapatan kajian Fahriye, Zehra dan Aytekin (2008) pula menunjukkan pembelajaran menggunakan model ini lebih berpusatkan kepada pelajar. Pelajar dapat mengorganisasi maklumat dan melakarkan peta konsep mengikut pemahaman konsep masing-masing. Menurut Fahriye, Zehra dan Aytekin (2008), dalam kajian mereka yang menggunakan teori konstruktivisme mendapati bahawa pelajar telah dapat mempelbagaikan aktiviti seperti portfolio, kerja kumpulan dan sebagainya. Mereka yang mempunyai masalah bertutur dalam Bahasa Inggeris dapat melibatkan diri secara aktif dalam perbincangan kumpulan. Akhir sekali, kajian Affendi dan Mohamed Amin (2010), yang menggunakan konstruktivisme dalam merangka kemudahan belajar secara atas talian mendapati bahawa pelajar lebih mudah memberi maklum balas sekiranya pelajar didedahkan dengan kaedah pembelajaran konstruktivisme kerana pelajar dapat membuat pencarian sendiri mengikut kehendak dan kesediaan masing-masing secara fleksibel.

KESIMPULAN

Kajian ini telah memperoleh dapatan bahawa penggunaan Model Konstruktivisme Lima Fasa Needham (Needham 1987) memberi kesan yang sangat positif dan signifikan bagi meningkatkan prestasi pelajar dalam kursus Bahasa Melayu di IPTA. Dapatan kajian ini turut membuktikan bahawa pendekatan pengajaran dan pembelajaran secara konstruktivisme lebih efektif berbanding pengajaran dan pembelajaran secara tradisional. Oleh itu, para pendidik harus melakukan inovasi dalam gaya pengajaran masing-masing bagi mencapai anjakan paradigma pedagogi dunia pendidikan.

RUJUKAN

- Abdul Jalil Othman dan Bahtiar Omar. (2005). Aplikasi pembelajaran secara konstruktivisme dalam pengajaran karangan berpandu. *Makalah Pendidikan*, 4: 6-8
- Abu Hassan bin Kassim (2003). *Kurikulum Sains Sekolah Malaysia*. Johor: Fakulti Pendidikan UniversitiTeknologi Malaysia.
- Afendi Hamat dan Mohamed Amin Embi. (2010). Constructivism in the design of online learnings tools. *European Journal of Educational Studies*, 2: 3-13
- Azizi Yahaya dan Jaafar Sidek Latif. (2005). *Membentuk identiti remaja*. Bentong, Pahang: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Esah Sulaiman (2003). *Asas Pedagogi*. Edisi Pertama. Johor Bahru: Cetak Ratu Sdn.Bhd.
- Fahriye Altinay Aksal, Zehra Altinay Gazi dan Aytekin Isman. (2008). A comprehensive look into the learners' transferable skills related to constructivist approach. *World Applied Sciences Journal*, 4 (4): 558-567.

- Faridah Serajul Haq, Nooreiny Maarof dan Raja Mohd Fauzi Raja Musa. (2001). Masalah penulisan naratif di kalangan murid sekolah menengah. *Jurnal Pendidik*, 27: 3-26.
- Ibrahim Bilgin, Erdal Senocak & Mustafa Sozbilir. (2009). The effect of problem-based learning instruction on university student's performance of conceptual and quantitative problems in gas concepts. *Euroasia Journal of Mathematics, Science & Technology Education*, 5 (2): 153-164.
- Jones, M. G. dan Araje, L. B. (2002). The impact of constructivism on education language, discourse, and meaning. *American Communication Journal*, 5: 14-26
- Loo, Sai Huat (2003). *Amalan Konstruktivisme Dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran Fizik Tingkatan 4*. Tesis Sarjana Muda. Universiti Teknologi Malaysia.
- Marohaini Yusoff dan Zulkifli A. Manaf. (1997). Pengajaran kemahiran menulis karangan bahasa Melayu di sekolah menengah: Satu penilaian kualitatif. *Pertanika Journal Social Science & Humanities*, 5 (2): 65-71.
- Mc Brien, J.L. dan Brandt, R.S. (1997). *The language of learning: A guide to education terms*. Alexandria VA: Association for Supervision And Curriculum Development.
- Nik Aziz Nik Pa. (1999). *Pendekatan konstruktivisme radikal dalam pendidikan Matematik*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Noor Azliza Che Mat dan Lilia Halim. (2002). Reka bentuk dan keberkesanan pembelajaran berbantuan multimedia pendekatan konstruktivisme bagi sains KBSM. *Jurnal Teknologi*, 36, 1-38.
- Noriah Abdul Rahman (2000). Tahap Penggunaan Model Konstruktivisme 5-Fasa Needham dalam Pengajaran dan Pembelajaran Sekolah Rendah – Satu Tinjauan. Universiti teknologi Malaysia: Tesis Projek Saujana Muda.
- Peter, O. I., Abiodun, A. P. dan Jonathan, O. O. (2010). Effect of constructivism instructional approach on teaching practical skills to mechanical related trade students in western nigeria technical colleges, *International NGO Journals*, 5 (3): 59-64.
- Piaget, J. (1976). *To understand is to invent: The future of education*. New York: Penguin Books.
- Prince, M. J. dan Felder, R. M. (2006). Inductive teaching and learning methods definitions comparisons, and research bases. *Journal Engr. Education*, 95 (2): 123-138 .
- Rashidi Azizan., dan Abdul Razak Habib. (1995). *Pengajaran dalam bilik darjah*. Kaedah dan Strategi, Kajang: MASA Enterprise. Kementerian Pelajaran Malaysia. (2000). *Huraian sukanan pelajaran Bahasa Melayu edisi penyesuaian*. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Subadrah Nair dan Malar Muthiah. (2005). Penggunaan model konstruktivisme lima fasa Needham dalam pembelajaran sejarah. *Jurnal Pendidik dan Pendidikan*, 20: 21-41.

- Vighnarajah, Wong Su Luan & Kamariah Abu Bakar. (2008). The shift in the role of teachers in the learning process. *European Journal of Social Sciences*, 7 (2).
- Vygotsky, L. S. (1978). *Mind in society*. Cambridge, MA Vygotsky, L. S. (1978). *Mind in society*. Cambridge, MA.: Harvard University Press.
- Zamri Mahamod, Celina Anak Lasan, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff & Mohamed Amin Embi. (2009). Teaching and learning the Malay language in the private institutions of higher learning (PIHL) in Sarawak, Malaysia. *European Journal of Social Sciences*, 9 (4).